



## **SENARAI POLISI SUSTAINABILITY**

1. POLISI PENGELUARAN MINYAK SAWIT LESTARI DALAM KUMPULAN FGV
2. POLISI KESETARAAN PELUANG
3. POLISI KOMUNIKASI
4. POLISI PERLINDUNGAN TANAH CURAM DAN REZAB SUNGAI
5. POLISI PEKERJAAN KANAK-KANAK
6. POLISI TANAM SEMULA
7. POLISI PENGGUNAAN RACUN PARAQUAT
8. POLISI PENGAMBILAN PEKERJA ASING
9. POLISI PERLINDUNGAN DAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR
10. POLISI GANGGUAN SEKSUAL, KEGANASAN SERTA HAK KEBEBASAN REPRODUKSI
11. POLISI HAK KEBEBASAN BERSUARA & MENGANGGOTAI KESATUAN
12. POLISI HAK ASASI MANUSIA
13. POLISI KOD ETIKA KERJA DAN INTERGRITI
14. POLISI LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA
15. POLISI LARANGAN MENGGUNAKAN SENJATA DAN KETENTERAAN
16. POLISI KITAR SEMULA



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI PENGELUARAN MINYAK SAWIT LESTARI DALAM KUMPULAN FGV**

Sejajar dengan matlamat FGV untuk memajukan kawasan pertanian secara produktif, meningkatkan taraf hidup masyarakat dan pengurusan pertanian yang berkesan, FGV menyokong pengeluaran minyak sawit lestari melalui proses pensijilan minyak sawit lestari. Dengan ini, FGV salah sebuah pengeluar minyak sawit yang terbesar di dunia adalah komited di dalam memainkan peranannya untuk mengusahakan perladangan sawit secara lestari.

Proses pengeluaran minyak sawit lestari FGV adalah berpandukan kepada tiga teras pengeluaran yang seimbang antara keuntungan yang berpanjangan (*Profit*), kelestarian alam sekitar (*Planet*) dan kesejahteraan masyarakat (*People*).

Pengurusan FGV komited ke arah penambahbaikan berterusan dan keterbukaan di dalam aktiviti pengeluaran minyak sawit lestari.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Emir Mavani', with a horizontal line underneath.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI KESETARAAN PELUANG**

Kumpulan FGV akan berusaha untuk memastikan kesemua pekerja dan pemohon pekerjaan akan menerima layanan yang saksama dan tidak terlibat atau menyokong penindasan berdasarkan bangsa, kewarganegaraan, agama, kecacatan, jantina, umur, tarikan seksual, keahlian kesatuan dan badan politik.

Walau bagaimanapun diskriminasi positif yang dapat membuka peluang pekerjaan dan faedah kepada masyarakat/ golongan tertentu yang munasabah akan dilaksanakan hasil rundingan yang dipersetujui.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohammed Emir Mavani Abdullah', written in a cursive style.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI KOMUNIKASI**

Pihak pengurusan bertanggungjawab berkomunikasi dengan pelanggan/pihak luar dan membuat kajian semula segala laporan yang diterima dan membuat tindakan yang teratur.

Pihak pengurusan juga bertanggungjawab berkomunikasi dengan petugas tentang pentingnya pencapaian matlamat kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pengurusan juga akan menilai cadangan yang dikemukakan oleh petugas.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap petugas untuk berkomunikasi tentang isu, masalah atau cadangan kepada pihak pengurusan.

Jabatan Khidmat Korporat di Ibu Pejabat adalah bertanggungjawab terhadap sebarang komunikasi dengan pihak media.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Emir Mavani', written over a horizontal line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

### **Plantations Sustainability And Quality Management**

#### **POLISI PERLINDUNGAN TANAH CURAM DAN REZAB SUNGAI**

Seiring dengan usaha untuk mengawal hakisan, mengelakkan degradasi tanah dan mengurangkan pencemaran, kumpulan FGV mengamalkan kaedah-kaedah berikut di kawasan penanaman sawit :-

##### **a. Kawasan Berbukit :-**

- I. Tidak menanam sawit di kawasan melebihi kecerunan 25 darjah di kawasan penanaman baru.
- II. Menanam kekacang penutup bumi yang baik.
- III. Mengekalkan atau menggalakkan pertumbuhan penutup-penutup bumi asli yang sesuai seperti rumput-rumput lembut di kawasan yang sukar untuk membentuk litupan kekacang penutup bumi yang baik.
- IV. Mengadakan teres atau lain-lain kaedah untuk mengurangkan hakisan dan larian tanah permukaan mengikut kesesuaian setempat.
- V. Di kawasan yang berkecerunan melebihi 25 darjah, vegetasi semasa akan dikekalkan ataupun dipertingkatkan dengan spesis pokok hutan bernilai tinggi.


##### **b. Kawasan Rezab Sungai :-**

Mengadakan zon penampungan yang bersesuaian di kedua-dua belah tebing sungai, untuk menapis sebarang bahan asing yang berupaya mencemarkan sungai. Amalan ini akan dikuatkuasakan di kesemua kawasan pembukaan baru.

Pada kawasan yang telah dibangunkan, zon penampian ini akan dilindungi dengan vegetasi semasa tanpa apa-apa input agrokimia.

Panduan am kelebaran zon penampian ini adalah :-

Kelebaran Laluan Air Antara Tebing	Keperluan Minima Kelebaran Rezab Dari Kedua Belah Tebing Berdasarkan Keluasan Sungai Sedia Ada	
	Semenanjung & Sarawak	Sabah
>40 Meter	50 m	20 m (lebar sungai > 3 m)
>20-40 Meter	40 m	
>10-20 Meter	20 m	
> 5-10 Meter	10 m	
1-5 Meter	5 m	



**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH**  
**PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI PEKERJAAN KANAK-KANAK**

Kumpulan FGV tidak membenarkan individu di bawah umur 18 tahun diambil bekerja di premis berpandukan undang-undang semasa.

Walau bagaimanapun kanak-kanak dibenarkan membantu di ladang milik keluarga dengan adanya pengawasan orang dewasa (penjaga) dan tidak mengganggu jadual pembelajaran mereka.

Sebarang bentuk kemalangan adalah tanggungjawab penjaga kanak-kanak berkenaan dan FGV tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecelakaan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Emir Mavani', with a horizontal line underneath.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

### **Plantation Sustainability And Quality Management**

#### **POLISI TANAM SEMULA**

Pembangunan tanam semula merupakan aktiviti yang penting perlu dirancang dengan sempurna. Ini adalah untuk meningkatkan keupayaan penghasilan ladang dengan impak yang minima kepada pendapatan semasa dan operasi syarikat dalam kumpulan FGV.

Polisi tanam semula dalam kumpulan FGV menitikberatkan dua perkara penting iaitu, dalam pemilihan kawasan untuk ditanam semula dan pelaksanaan amalan pertanian baik semasa penanaman semula.

Pemilihan kawasan untuk ditanam semula adalah berdasarkan salah satu atau lebih dari kriteria-kriteria berikut:-

- Pokok dikawasan tersebut telah berumur 25 tahun dan ke atas.
- Kawasan pembangunan pertama yang berhasil purata kurang dari 16 tan/hektar bagi 3 tahun berturut-turut.
- Mempunyai sejarah serangan perosak & penyakit yang tinggi
- Bagi kawasan kecil yang bersempadanan kebun peneroka, tanam semula akan disekalikan apabila peneroka menanam semula di kawasan mereka.
- Mematuhi keperluan undang-undang tempatan berkaitan dengan penanaman semula seperti penilaian mini EIA (Environment Impact Assessment), PMM (Proposal Mitigation Measures) dan EMP (Environmental Monitoring Plan) khusus bagi Sabah dan Sarawak.
- Lain-lain faktor yang difikirkan sesuai oleh pengurusan syarikat.

Semasa penanaman semula, FGV akan mengamalkan amalan-amalan terbaik dalam industri mengikut kesesuaian setempat. Ini adalah untuk memastikan operasi yang praktik, lancar dan memberi pertumbuhan pokok yang baik.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohammed Emir Mavani Abdullah'.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH**  
**PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**





## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI PENGGUNAAN RACUN PARAQUAT**

Paraquat dikategorikan dalam kelas 1B WHO. Bahan kimia ini adalah amat berbahaya kepada kesihatan dan alam sekitar. Kerajaan Malaysia sememangnya tidak melarang penggunaan racun Paraquat di kawasan Sawit, namun FGV beranggapan racun ini adalah berbahaya dan perlu dikurangkan penggunaannya ke tahap minimum atau diberhentikan sama sekali. Inisiatif ini boleh dilaksanakan dengan kawalan penggunaan racun Paraquat yang ketat.

Selaras dengan kehendak antarabangsa dan Malaysia, FGV mengambil inisiatif untuk mengurangkan serta mensasarkan "Zero Paraquat" dalam rancangan tindakan syarikat. Polisi ini adalah didokong dengan amalan-amalan seperti berikut.

- Racun Paraquat hanya digunakan di kawasan pokok muda (di antara 0-3 tahun pertama penanaman di kebun/ladang).
- Penggunaan racun Paraquat tidak dibenarkan di kawasan pokok sawit matang, kecuali atas sebab-sebab tertentu.
- Alternatif yang sedia ada harus digunapakai.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Emir Mavani', written over a light blue horizontal line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH**  
**PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI PENGAMBILAN PEKERJA ASING**

FGV mengalami masalah kekurangan pekerja tempatan yang berminat untuk bekerja di sektor perladangan terutamanya di ladang sawit. Oleh yang demikian, FGV telah memutuskan untuk mengisi kekosongan ini dengan tenaga kerja asing dari negara sumber yang diluluskan tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan akta-akta berkaitan yang berkuatkuasa di Malaysia.

Dasar penggajian FGV membolehkan pekerja asing ini mendapat gaji yang setimpal berdasarkan sistem penggajian berasaskan Perintah Gaji Minima yang diwartakan oleh kerajaan Malaysia. Pengurusan FGV turut mengamalkan polisi tiada diskriminasi dan tiada kontrak gantian.

Tenaga kerja asing yang baru akan diberikan program orientasi di mana mereka akan diterangkan mengenai bahasa, keselamatan pekerjaan, undang-undang buruh dan sensitiviti budaya setempat. Selain itu, semua tenaga asing dilindungi dengan insuran dan disediakan tempat tinggal/asrama yang selayaknya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mavani', is positioned above the printed name of the CEO.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH**  
**PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

### **Plantation Sustainability And Quality Management**

#### **POLISI PERLINDUNGAN DAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR**

Pihak pengurusan FGV sebagai salah sebuah organisasi perniagaan minyak sawit, bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan pemeliharaan alam sekitar dan penghasilan produk sawit yang berkualiti.

Bagi memastikan keseimbangan antara aspek pemeliharaan alam sekitar dan objektif perniagaan, pihak pengurusan FGV akan berusaha untuk ;

- Mematuhi semua garis panduan dan undang-undang yang berkaitan dengan pemeliharaan aspek-aspek alam sekitar yang berkaitan.
- Mengikuti dan melaksanakan Amalan Pertanian Baik yang telah digariskan dalam Manual Sawit Lestari FGV.
- Merancang, Menilai dan Melaksanakan tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan impak kepada aspek alam sekitar ekoran dari aktiviti-aktiviti syarikat.
- Menghindarkan pencemaran serta meningkatkan mutu pengurusan alam sekitar.
- Menyampaikan polisi ini kepada semua pihak yang berkepentingan bagi memahami dan menyokong pihak pengurusan FGV dalam menjalankan aktiviti perniagaan untuk kesinambungan generasi pada masa hadapan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohammed Emir Mavani Abdullah'.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI GANGGUAN SEKSUAL, KEGANASAN SERTA HAK KEBEBASAN REPRODUKSI**

Pihak pengurusan FGV bertanggungjawab dan komited memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap etika dan tatalaku petugas berkaitan dengan gangguan seksual (lisan, isyarat, visual psikologi atau sentuhan fizikal termasuk apa-apa catatan yang dihantar melalui media elektronik) dan keganasan selaras dengan kehendak dan keperluan yang terkandung dibawah seksyen 22, Kod Etika dan Tatalaku Petugas.

Pengurusan FGV juga akan memelihara hak-hak wanita seperti hak reproduksi dan kekeluargaan, hak menyusukan anak serta tiada diskriminasi terhadap kaum wanita.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohammed Emir Mavani Abdullah', written over a light blue horizontal line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI HAK KEBEBASAN BERSUARA & MENGGANGGOTAI KESATUAN**

Kesatuan Pekerja - Pekerja FGV mewakili kesemua pekerja dalam kumpulan FGV, adalah kesatuan yang berdaftar.

Pihak FGV memberi hak kebebasan untuk bersuara (mengikut undang-undang) dan tidak menghalang individu untuk menyertai Kesatuan Pekerja atau kesatuan-kesatuan lain yang berdaftar dan mendapat kelulusan FGV yang sedia ada dalam kumpulan FGV.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Amir Mavani', written over a horizontal line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI HAK ASASI MANUSIA**

Pihak pengurusan FGV komited dalam menyokong hak asasi manusia.

Bagi merealisasikan polisi ini, FGV akan mengambilkira keperluan-keperluan hak asasi manusia dalam merangka dan menyediakan manual, prosedur dan lain-lain polisi syarikat.

FGV juga akan terus terlibat dalam usaha pelbagai hala untuk menyokong dan juga mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti untuk menggalakkan tanggungjawab korporat bagi menghormati hak asasi manusia.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohammed Emir Mavani Abdullah', written over a horizontal dashed line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI KOD ETIKA KERJA DAN INTERGRITI**

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) komited dalam membentuk budaya kerja yang beretika dan berintergriti dalam pengurusan perniagaan. Seajar dengan komitmen ini, FGV akan memastikan semua petugas ;

- Menolak amalan rasuah, korupsi dan pecah amanah ;
- Menghindarkan sebarang percanggahan kepentingan;
- Melaksanakan urusan perniagaan dengan telus, jujur dan adil;
- Melindungi kerahsiaan maklumat kumpulan selaras dengan etika penghebahan maklumat mengikut peraturan;
- Meningkatkan tahap profesionalisma;

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Emir Mavani', written over a light blue horizontal line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA**

Felda Global Ventures, FGV mengamalkan sistem perladangan yang mesra alam bagi menjamin kesejahteraan dan pemeliharaan kepada alam sekitar.

Selaras dengan amalan sistem perladangan mesra alam ini dan bagi mematuhi seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Larangan Pembakaran Terbuka; tiada seorang pun petugas atau pekerja FGV atau kontraktor yang bekerja di permis FGV boleh membenarkan atau menyebabkan pembakaran terbuka, sama ada semasa aktiviti kerja-kerja tanam semula, pembakaran sampah domestik di tapak pelupusan sampah, kawasan pejabat, kawasan penempatan petugas dan pekerja serta segala jenis pembakaran terbuka di premis.

Kegagalan mematuhi larangan ini jika disabitkan kesalahan oleh pihak berkuasa, maka pihak yang disabitkan bersalah adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas tindakannya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohammed Emir Mavani Abdullah', is written over a horizontal line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**





## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI LARANGAN MENGGUNAKAN SENJATA DAN KETENTERAAN**

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) komited dalam menyelesaikan sebarang konflik dan pertikaian melalui perbincangan.

Bagi Konflik dan pertikaian yang tidak boleh diselesaikan dengan perbincangan, pihak syarikat akan menggunakan saluran undang-undang negara yang sah sebagai kaedah penyelesaian supaya mendapat keadilan dan kepuasan kedua-dua belah pihak.

Pihak syarikat tidak akan sama sekali mengguna senjata dan ketenteraan dalam menyelesaikan sebarang konflik dan pertikaian.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohammed Emir Mavani Abdullah', written over a light blue horizontal line.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**



## **FELDA GLOBAL VENTURES**

(Company No: 974143-H)

**Plantation Sustainability And Quality Management**

### **POLISI KITAR SEMULA**

Pengurusan FGV mengambil berat amalan kitar semula terutamanya bahan buangan berasaskan besi, plastik, kaca, kertas dan lain-lain untuk menjaga alam sekitar. Pengurusan FGV juga berusaha untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang baik. Semua pihak yang berkepentingan dengan FGV dikehendaki untuk turut mematuhi dasar ini sebaik mungkin.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Emir Mavani', with a horizontal line underneath.

**MOHAMMED EMIR MAVANI ABDULLAH  
PRESIDEN & CEO FGV**

**01.06.2014**